Organisasi Unit Taman dan Rekreasi dianggotai oleh seramai 33 kakitangan bagi tahun 2013. Secara dasarnya dipecahkan kepada 2 iaitu Bahagian Taman dan Bahagian Kawalselia. Keanggotaan secara terperinci adalah sebagaimana berikutnya;

Jawatan	Bilangan
Penolong Arkitek Lanskap J 29	1
Pembantu Pertanian G 22 (KUP)	1
Pembantu Tadbir N17	2
Pekerja Rendah Awam R 4 (Mandor)	1
Pekerja Rendah Awam R 4	10
Pekerja Rendah Awam R 1	14
Pemandu Kenderaan Bermotor R 6	1
Pemandu Kenderaan Bermotor R 3	3

#### Bahagian Taman

Fungsi utama bahagian ini adalah sebagaimana berikut:

Menyiapkan benih pokok hiasan jenis renik menampung keperluan kerja-kerja landskap lembut.

Menyedia serta menyelenggara pokok hiasan pasuan untuk hiasan pejabat, majlis-majlis keraian dan untuk disewaikan.

Melaksanakan segala kerja-kerja senitaman yang melibatkan penanaman pokok-pokok hiasan.

#### Bahagian Kawalselia

Fungsi utama bahagian ini adalah sebagaimana berikut:

Menyelenggara landskap-landscape yang dibangunkan samada di bahu-bahu jalan, pembahagi jalan, kawasan lapang serta taman-taman awam.

Menyelenggara pokok-pokok besar melalui aduan awam dan penjadualan kerja.

Menyelenggara kemudahan riadah seperti padang, laluan pejalan kaki juga gelanggang permainan.

Menyelenggara kemudahan rekreasi dan peralatan permainan kanak-kanak.

Menyelenggara penggunaan peralatan majlis untuk sesuatu majlis rasmi jabatan dan juga sewaan kepada pihak luar.



### PROGRAM TANAM POKOK PENEDUH

Program ini merupakan program berterusan dari tahun ke tahun. Program ini hanya melibatkan penanaman spesis pokok-pokok peneduh tidak termasuk spesis pokok-pokok renik. Ianya melibatkan penanaman oleh pihak jabatan sendiri, pihak jabatan kerajaan lain, pemaju-pemaju harta tanah dan perumahan termasuk juga oleh badan-badan NGO yang terdapat.

Jawatan	Bilangan
Suku Tahun Pertama (Januari hingga Mac)	106
Suku Tahun Kedua ( April hingga Jun)	181
Suku Tahun Ketiga ( Julai hingga September)	39
Suku Tahun Keempat ( Oktober hingga Disember)	167
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>493</b>

## PROGRAM TANAM POKOK BUNGA RAYA

Seperti juga Program Tanam Pokok Peneduh, program ini juga merupakan program berterusan setiap tahun.

Tempoh	Bilangan
Suku Tahun Pertama ( Januari hingga Mac)	0
Suku Tahun Kedua ( April hingga Jun)	0
Suku Tahun Ketiga ( Julai hingga September)	36
Suku Tahun Keempat ( Oktober hingga Disember)	8
JUMLAH BESAR	44

## PERSEMAYAAN DAN PENANAMAN POKOK RENIK

Jenis pokok renik disemai/ditanam kebiasaannya ialah Ficus, Jenjuang Merah, keluarga Alcalifa, keluarga Ixora, Bunga Raya dan juga Spider Lily

Tempoh	Bilangan Disemai	Tempoh	Bilangan Disemai
Januari		Januari	420
Februari	159	Februari	110
Mac		Mac	450
April	250	April	140
Mei		Mei	680
Jun		Jun	58
Julai	50	Julai	120
Ogos	100	Ogos	36
September	350	September	346
Oktober	500	Oktober	8
November	350	November	120
Disember	120	Disember	361
JUMLAH BESAR	1,879	JUMLAH BESAR	2,849



### PROGRAM TANAM POKOK HUNGA RAYA

Seperti juga Program Tanam Pokok Peneduh , program ini juga merupakan program berterusan setiap tahun.

Lokasi	Kategori	Kos (RM)
Taman Kampar Perdana, Kampar Taman Gopeng Jaya, Gopeng Taman Bandar Baru(Jln. 17), Kampar	Peralatan senam ritang	52,950.00
Indian Settlement, Malim Nawar	Peralatan Permainan Kanak-kanak	29,690.00
Taman Bandar Baru Kampar Kg Terasusun Batu 20, Kampar Taman Permai, Mambang DiTeman Amah, Kg.Baru, Taman Cahaya, Taman Sejahtera Jaya, Taman Indah	Peralatan permainan kanak-kanak	89,990.00
Kerja-kerja penyelenggaraan tidak dilaksanakan pada tahun 2013		

*Alatan  
Senamriang*



*Alatan  
Permainan*



## PROJEK PEMBANGUNAN BARU DAN NAIK TARAF LANDSKAP 2013

LOKASI	PROJEK	KOS (RM)
Perstimpangan Batu Gajah / Gopeng	Mercu Tanda Daerah Kampar	RM49,950.00
Laluan Protokol Daerah Kampar	Meningkattaraf landskap median jalan secara jabatan (2 Median jalan sahaja)	RM14,500.00
Rumah Raja Kampar	Meningkattaraf landskap Rumah Raja Kampar	RM7,800.00
Bangunan MDKpr	Meningkattaraf kolam hadapan pejabat Bangunan MDKpr	RM13,877.00
Bangunan MDKpr	Meningkattaraf landeskap dalam pejabat MDKpr secara jabatan	RM9,750.00


### GAMBAR PROJEK

#### (1) Mercu Tanda Kampar



## GAMBAR PROJEK


(ii) Menaiktaraf landskap median jalan secara Jabatan



(iii) Menaiktaraf landskap dalam pejabat MDKpr secara Jabatan



(iv) Menaiktaraf Kolam Hadapan Pejabat Bangunan MDkpr








JABATAN  
KEJURUTERAAN

CARTA ORGANISASI JABATAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN  
DAN BAHAGIAN LANDSKAP MAJLIS DAERAH KAMPAR





## JABATAN KEJURUTERAAN

### 1.0 OBJEKTIF BAHAGIAN/UNIT

- 1.1 Merancang projek-projek pembinaan jalan, longkang, gerai-gerai, pasar, pondok bas dan lain-lain untuk keperluan masyarakat setempat.
- 1.2 Melaksanakan pembinaan projek-projek tersebut dengan berpandukan peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.
- 1.3 Mendapatkan maklumat-maklumat tentang kerosakan longkang, jalan, papan tanda, bangunan dan lain-lain harta Majlis yang memerlukan pembaikan.
- 1.4 Melaksanakan pembaikan/penyelenggaraan secara:
  - a. Jabatan
  - b. Melantik Kontraktor
- 1.5 Membuat pesanan bahan-bahan binaan seperti batu-bata, simen, instant tarmac dan lain-lain untuk kegunaan di dalam pembaikan secara jabatan.
- 1.6 Berhubung dengan TNB, LAP, Telekom dan lain-lain jabatan teknikal di dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan jabatan-jabatan tersebut.
- 1.7 Memberi khidmat kemasyarakatan seperti bantuan bahan-bahan binaan, alat, mesin dan lain-lain untuk tujuan kerja secara gotong royong dan sebagainya.
- 1.8 Mendapatkan kutipan hasil Majlis dari segi mengenakan yuran-yuran tertentu, mengenakan denda kerana kesalahan atau kompaun kerana tidak mematuhi akta dan sebagainya.
- 1.9 Membelanjakan peruntukan-peruntukan projek dari Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Majlis.
- 1.10 Membelanjakan peruntukan-peruntukan penyelenggaraan yang disalurkan kepada Majlis

## **2.0 FUNGSI DAN PERANAN JABATAN**

- 2.1 Menyelenggara harta milik Majlis iaitu bangunan-bangunan pasar/gerai/pejabat/rumah kedai, jalan parit/longkang, jambatan dan lain-lain.
- 2.2 Melaksanakan pembinaan projek-projek pembangunan dan infrastruktur di dalam kawasan Majlis.
- 2.3 Mendapatkan hasil Majlis dari segi kawalan projek/selenggaraan iaitu dari segi bayaran fee, jualan horang-horang dan sebagainya.
- 2.4 Mengendalikan aduan awam yang berkaitan.
- 2.5 Mengendalikan perolehan Kerajaan dari segi panggilan tender/ sebutharga/pemberian terus dan sebagainya.
- 2.6 Membantu jabatan/bahagian/unit lain di dalam Majlis yang berkaitan di dalam bidang-bidang Kejuruteraan seperti memberi ulasan kepada urusetia OSC, peranggaran kos dan sebagainya.

## **3) AKTIVITI-AKTIVITI**

- 3.1 Memproses perancangan dan perlaksanaan projek pembangunan dan infrastruktur.
- 3.2 Memproses pendaftaran kontraktor/pembekal.
- 3.3 Memproses tawaran terus untuk kerja-kerja Requisition.-
- 3.4 Memproses tawaran Sebutharga.
- 3.5 Memproses tawaran Tender.
- 3.6 Memproses penyediaan bayaran.
- 3.7 Memproses perlantikan perunding/arkitek.
- 3.8 Menyelenggara harta Majlis.
- 3.9 Menyelenggara kemudahan jalan raya biasa.
- 3.10 Memproses mengembalikan wang deposit.

#### **4) ORGANISASI DAN KEANGGOTAAN**

4.1 Carta Organisasi dan keanggotaan seperti di Lampiran 1.

#### **5) KERJA-KERJA YANG DILAKUKAN**

5.1 Sebanyak 56 bilangan projek Sebutharga dan 1 bilangan projek Tender telah dilaksanakan pada tahun 2013 manakala 198 bilangan kerja Requisition melalui Lantikan Terus/Kerja-kerja Kecemasan/Segera dengan perbelanjaan sebanyak RM 2,530,579.46.

5.2 Senarai projek sebutharga dan tender yang telah dilaksanakan adalah seperti di Lampiran 2.

5.3 Jumlah sebenar perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya pada tahun 2013 adalah sebanyak 99.82%.

#### **6) LIF BARANG**

6.1 Jabatan Kejuruteraan juga telah mengambil bahagian di dalam Anugerah Inovasi Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) sempena Sambutan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Perak Tahun 2013 dengan penyertaan Lif Barang.

#### **7) KUTIPAN HASIL**

7.1 Pada tahun 2013, sebanyak RM 3,340.00 telah dikutip melalui bayaran Pendaftaran Baru/Memperbaharui Pendaftaran Kontraktor manakala sebanyak RM 32,290.00 bagi jualan borang Tender, Sebutharga dan Requisition.

#### **8) BAJET MAJLIS**

8.1 Berikut adalah butiran Belanjawan/Perbelanjaan 2013 bagi jabatan ini:-

Perkara	Belanjawan 2013 (RM)	Perbelanjaan Sebenar 2013 (RM)
Jumlah Gaji dan Upahan	326,874.59	341,708.29
Jumlah Elaun Tetap	100,320.00	93,980.00
Sumbangan Berkurus Untuk Kakitangan Awam	60,772.29	58,506.49
Jumlah Elaun Lebih Masa	7,000.00	-
Jumlah Faedah-Faedah lain	30,273.50	30,154.71
Jumlah Emolument	561,647.70	524,349.49
Jumlah Perbelanjaan & Saru Hidup	16,350.00	6,126.80
Jumlah Perhubungan dan Utiliti	700,000.00	706,151.12
Jumlah Sewaan	-	-
Jumlah Bekalan Bahan-Bahan Mentah	22,460.00	14,994.72
Jumlah Penyelenggaraan dan Pembakaian Kecil	791,010.00	821,798.41
Jumlah Perkhidmatan Iktisas dan Lain	10,000.00	-
Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan	1,539,820.00	1,549,071.05
Jumlah Bangunan dan Pembalikan Bangunan	-	-
Jumlah Kemudahan dan Pembalikan Kemudahan	-	-

**PERUNTUKAN PERSEKUTUAN - BP.1**

BIL.	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
<b>PROJEK KECIL</b>					
1.	Membina Sebuah Jambatan di Taman Gopeng Baru, Gopeng	SAMB	920,539.00	YKDIN Sdn. Bhd.	Siap Sepenuhnya
2.	Memasang Lampu Limpah Mini Stadium di Padang Majlis Daerah Kampar.	BARU	380,190.00	Syarikat Elektrik Saiful	Siap Sepenuhnya
3.	Menaliktaraf Jalan di Dataran Kejat di Pekan Kampar	BARU	99,850.00	Syarikat Ibrahim	Siap Sepenuhnya
4.	Menaliktaraf Longkang dan Jalan di New Wah Loong, Kampar	BARU	149,520.00	Zaires Enterprise	Siap Sepenuhnya
5.	Menaliktaraf Longkang dan Jalan di Taman Sentosa, Kampar	BARU	99,993.94	Najawan Enterprise	Siap Sepenuhnya
6.	Membina Longkang dan Jalan di jalan Stesyen, Kampar	BARU	99,900.00	HZA Enterprise	Siap Sepenuhnya
7.	Menaliktaraf Jalan di Tronoh Mines, Kampar	BARU	49,925.83	Zalani Salamat	Siap Sepenuhnya
8.	Menaliktaraf Bangunan Plaza Kranji, Kampar	BARU	99,876.00	Hairissa Enterprise	Siap Sepenuhnya
9.	Menaliktaraf Longkang di Taman Perak, Kampar	BARU	99,200.00	Peninsular Logistic Services	Siap Sepenuhnya
10.	Membina Longkang dan Jalan di Taman Merdeka, Kampar	BARU	99,260.00	Maxo One Enterprise	Siap Sepenuhnya
11.	Menaliktaraf Premix Tapak Pasar Pagi Malim Nawar	BARU	98,950.00	Pembinaan Quezzolan	Siap Sepenuhnya
12.	Menaliktaraf Jalan di Taman Gopeng Baru, Gopeng	BARU	98,190.00	Syarikat Ibrahim	Siap Sepenuhnya
13.	Menaliktaraf Jalan di Kawasan Perindustrian 1, Mambang Diawan, Kampar	BARU	19,965.70	Pembinaan Quezzolan	Siap Sepenuhnya
14.	Membina Longkang di Tepi Jalan Sejahtera, RPT Muhibbah, Kampar	BARU	19,789.50	Azzuri Enterprise	Siap Sepenuhnya

BIL	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
15.	Membina Penahan Tebing di Jambatan Taman Perak, Kampar	BARU	19,865.90	Irmam Services	Siap Sepenuhnya
16.	Menaiktaraf jalan di Jalan Masuk ke Taman Perak, Kampar	BARU	19,826.10	Hadiro Enterprise	Siap Sepenuhnya
17.	Membina Longkang Konkrit di Jalan Sentosa, RPT Muhibbah, Kampar	BARU	19,810.80	Peninsular Logistic Services	Siap Sepenuhnya
<b>PROJEK KG. TRADISIONAL</b>					
18.	Membina Longkang di Kampung Lawan Kuda, Gopeng	BARU	199,330.00	Mekar Suci Enterprise	Siap Sepenuhnya
19.	Menaiktaraf jalan dan Longkang di Kg. Kuala Dipang, Kampar	BARU	74,990.78	Azzuri Enterprise	Siap Sepenuhnya
20.	Menaiktaraf jalan dan Longkang di Kg. Sultan, Kampar	BARU	74,950.00	Jeram Bersatu Corporation Sdn Bhd	Siap Sepenuhnya
21.	Menaiktaraf jalan dan Longkang di RPT Muhibbah Batu Putih, Kampar	BARU	49,000.00	Bayan Murni Enterprise	Siap Sepenuhnya
22.	Menaiktaraf jalan dan Longkang di Kg. Tebing Tinggi, Malm Nawar	BARU	49,150.00	Pembinaan Nazrina	Siap Sepenuhnya
<b>PROGRAM KESELAMATAN JALAN</b>					
23.	Menaiktaraf Infrastruktur Jalanraya dan Sistem Lalulintas di Bandar Kampar	BARU	248,421.00	Zienal Enterprise	Siap Sepenuhnya

### PERUNTUKAN PERSEKUTUAN - BP.31

BIL	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
<b>PROJEK KG. BARU</b>					
1.	Menurap Jalan Premix di LC 137 ke LC 255, LC 389 ke LC 457 dan Lot B10 ke Lot 137 di Kg. Baru Malim Nawar	BARU	92,950.00	Acela (M) Sdn Bhd	Siap Sepenuhnya
2.	Membina Tembok Penahan (Rip Rap) di No. 36 ke No. 48A di Kg. Rawa Gopeng	BARU	68,550.00	Bersatu Enterprise	Siap Sepenuhnya
3.	Membina Semula Dewan Orang Ramai di Kg. Wah Loong	BARU	199,400.00	Mahaf Enterprise	Siap Sepenuhnya

### PERUNTUKAN PERSEKUTUAN - TP1M

BIL	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
1.	Kerja-kerja Pemasangan Papan Tanda Branding TP1M di Taman Kampar (Blok C, D, E), Kampar	BARU	6,000.00	Mekar Suci Enterprise	Siap Sepenuhnya
2.	Kerja-kerja Mengelat Bangunan Blok A & Blok B, Taman Kampar dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Bawah Program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia	BARU	84,930.65	Shams Construction	Siap Sepenuhnya

### PERUNTUKAN PERSEKUTUAN - ICU

BIL	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
1.	Membina Arena Square di Malim Nawar, Perak	BARU	750,600.00	Cartamas Sdn Bhd	Dalam Pembinaan

### PERUNTUKAN MIDA

BIL	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
1.	Menaiktaraf Jalan di Kawasan Perindustrian Mambang Diawan 1, Kampar	BARU	236,000.00	Sayaya Enterprise	Siap Sepenuhnya
2.	Menaiktaraf Permukaan Jalan di Kawasan Perindustrian Mambang Diawan 3, Kampar	BARU	197,810.00	Syarikat Ibrahim	Siap Sepenuhnya
3.	Mengadakan Sistem Pencahayaan Jalan di Kawasan Perindustrian Mambang Diawan 1, Kampar	BARU	47,970.00	J-Wan Elektrik	Siap Sepenuhnya

### PERUNTUKAN JPS

BIL	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
1.	Menaiktaraf Kolam Tadahan di Pasar Awam Kampar	BARU	99,983.00	Jati Rawa Enterprise	Siap Sepenuhnya

### PERUNTUKAN NEGERI - POS

BIL	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
1.	Membalik Bahru Jalan Yang Mendap/Rosak di Jalan Baru, Kampar	BARU	29,471.20	Aceia (M) Sdn Bhd	Siap Sepenuhnya
2.	Membekal dan Menghantar Tong Sampah 240 Liter Untuk Kegunaan Kedai di Pekan Kampar	BARU	30,000.00	Idasna Enterprise	Siap Sepenuhnya
3.	Cadangan Membangunkan Padang Per�ainan Kamak-kamak di Indian Settlement, Malim Nawar	BARU	29,690.00	Mahaf Enterprise	Siap Sepenuhnya
4.	Cadangan Kerja Mengelat Serta Membekal dan Memasang Kerusi Meja Makan di Bangunan Pusat Penjaja Lawan Kuda, Gopeng	BARU	28,550.00	Fuzah Enterprise	Siap Sepenuhnya
5.	Kerja-kerja Kecemasan Bencana Alam Banjir Lumpur - Memasang Struktur PenahanTebing dan Longkang di Taman Sri Kampar	BARU	49,937.10	Bayan Murni Enterprise	Siap Sepenuhnya
6.	Kerja-kerja Kecemasan Bencana Alam Banjir Lumpur - Pembersihan Longkang di Taman Sri Kampar	BARU	24,815.00	Hadaro Enterprise	Siap Sepenuhnya
7.	Kerja-kerja Segera Menambak Batu dan Pasir Bagi Membalik Permukaan Padang Yang Rosak di Taman Bandar Baru, Kampar	BARU	29,980.00	Axtra Enterprise	Siap Sepenuhnya
8.	Kerja-kerja Mengganti Atap dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Bangunan Cafeteria Majlis Daerah Kampar	BARU	39,965.35	Termizi Enterprise	Siap Sepenuhnya
9.	Kerja-kerja Mengelat di Bangunan Medan Purnama, Gopeng	BARU	29,970.00	Sri Aika Enterprise	Siap Sepenuhnya
10.	Kerja-kerja Mengelat di Bangunan Medan Suria, Kampar	BARU	29,910.00	Sri Aika Enterprise	Siap Sepenuhnya

BIL	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
11.	Menaiktaraf Tandas di Bangunan Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar	BARU	10,000.00	Mekar Suci Enterprise	Siap Sepenuhnya
12.	Menurap Semula Permukaan Jalan di Taman Sri Kampar, Kampar	BARU	19,937.74	Hairisa Enterprise	Siap Sepenuhnya
13.	Menurap Semula Permukaan Jalon di Taman Sejahtera, Kampar	BARU	19,937.74	Pembinaan Nazhina	Siap Sepenuhnya
14.	Membina Longkang di RPT Kg. Tersusun Batu Putih, Kampar	BARU	19,778.78	Azra Dimensi Enterprise	Siap Sepenuhnya
15.	Membina Pembetung dan Longkang di Taman Bandar Baru, Kampar	BARU	14,826.54	Azra Dimensi Enterprise	Siap Sepenuhnya
16.	Membalik Permukaan jalan di Jalan Stesyen, Kampar	BARU	9,968.87	Aztra Enterprise	Siap Sepenuhnya
17.	Menaiktaraf Kemudahan OKU di Tandas Malim Nawar	BARU	12,995.51	Syarikat Ibrahim	Siap Sepenuhnya

#### PERUNTUKAN PEJABAT MENTERI BESAR

BIL	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
1.	Membuiki Permukaan jalan Yang Rosak di Lorong Belakang SB6, Kg. Baru Mambang Diawan, Kampar	BARU	14,943.36	Pembinaan Nazhina	Siap Sepenuhnya
2.	Menaiktaraf Jalan di Jalan Loma, Kg. Baru Mamhang Diawan, Kampar	BARU	49,917.42	Aztra Enterprise	Siap Sepenuhnya
3.	Menaiktaraf Jalan di Jalan Tapah, Kg. Baru Mambang Diawan, Kampar	BARU	29,937.10	Pembinaan Nazhina	Siap Sepenuhnya
4.	Memasang Lampu Jalan di Kg. Baru Mambang Diawan, Kampar	BARU	10,331.00	Tenaga Nasional Berhad	Siap Sepenuhnya

### PERUNTUKAN MAJLIS

BIL.	SUB-PROJEK	STATUS	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
1.	Kerja-kerja Mewaktaraf Bumbung dan Kubah Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar	BARU	133,000.00	Alima Enterprise	Slap Sepenuhnya
2.	Membina Sistem Saliran di Tapak Pelupusan Sampah Sg. Siput (S), Kampar	BARU	30,050.00	HZA Enterprise	Slap Sepenuhnya
3.	Kerja-kerja Pembinaan Tapak Lantai di Dewan Bandaran Kampar	BARU	19,097.60	Bersatu Enterprise	Slap Sepenuhnya
4.	Kerja-kerja Kemasan Permukaan Lantai di Dewan Bandaran Kampar	BARU	14,898.00	Bersatu Enterprise	Slap Sepenuhnya
5.	Kerja-kerja Pemasangan Jubin di Atas Pentas di Dewan Bandaran Kampar	BARU	9,920.00	Medan Tenaga Enterprise	Slap Sepenuhnya
6.	Kerja-kerja Penyelenggaraan Tandas dan Pendawaian Elektrik Beserta Kelengkapan di Dewan Bandaran Kampar	BARU	14,960.90	ZCCS Enterprise	Slap Sepenuhnya
7.	Kerja-kerja Membina Petak Parkir OKU di Kompleks Pentadbiran MDKpr	BARU	19,959.88	Syarikat Ibrahim	Slap Sepenuhnya
8.	Kerja-kerja Membaiki Lorong Bay Wash Yang Rosak di Tapak Pelupusan Sampah Sg. Siput (S), Kampar	BARU	4,981.32	Jeram Bersatu Corporation Sdn Bhd	Slap Sepenuhnya



JABATAN  
PENGUATKUASAAN

## CARTA ORGANISASI JABATAN PENGUATKUASAAN MAJLIS DAERAH KAMPAR





## JABATAN PENGUATKUASAAN

1. Sebagaimana yang disasarkan di tahun 2013, pantauan terhadap kerbau dan lembu yang berkeltaran di kawasan Majlis Daerah Kampar telah diberi keutamaan. Penternak masih gagal mematuhi arahan Majlis. Mereka masih tetap mengamalkan cara ternakan 'tradisional' yang kos selenggaraan lebih minima tetapi memberi kesan yang maksima kepada orang awam yang sering membuat aduan dari segi merosakan tanaman, najis terbiar di mereta tempat, kacau ganggu dan kemalangan. Lebih merumitkan keadaan apabila Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) tidak membentarkan PBT mengendalikan 'ubat pelali'. Semua tindakan perlu di selaraskan dengan mereka. Sehubungan dengan itu sasaran tangkapan untuk tahun ini adalah rendah ia itu sebanyak 24 ekor.
2. Tindakan sitaan terhadap penjaja tanpa lesen amat berkesan. Aduan berkaitan penjajaan tanpa lesen telah berkurangan hampir 85%. Sasaran utama adalah pendatang asing Warga Cina, Pakistan, Bangladesh dan Myanmer yang menjaya DVD dan CD cetak rompak, menjaya pakalan, barang dagangan um dan ikan air tawar. Anggaran pendapatan Bahagian Pelesenan meningkat dan jumlah pengeluaran lesen juga meningkat. Pengumuman Kerajaan Negeri untuk lesen pasar di kurangkan separuh harga dan lesen penjaja/semestara tidak dikenakan bayaran, telah meningkatkan permohonan untuk menjaya. Oleh itu bagi mengawal aktiviti penjajaan ini, tindakan kompaun/sitaan telah di jalankan bagi mereka yang tidak mengambil lesen.
3. Sepanjang tahun 2013, penugasan Pembantu Penguatkuasa telah dipecahkan seperti berikut:

3.1 Penguatkuasaan pelbagai	8 Pem Penguatkuasa	3 Pemandu	2 Pekerja Awam
3.2 Penguatkuasaan TLK	1 Pem Penguatkuasa Kanan	1 Pem Tadbir Rendah	
	4 Pekerja Awam		
3.3 Kawalan Haiwan Merayau	1 Pem Penguatkuasa	1 Pemandu	2 Pekerja Awam
3.4 Pentadbiran pejabat	1 Pem Penguatkuasa		

## MATLAMAT

### 4. Matlamat Jabatan Penguatkuasa bagi tahun 2013 adalah:

- 4.1 Mengawal selia anggota Jabatan Penguatkuasa supaya sentiasa berdisiplin tinggi dan mematuhi prosedur semasa menjalankan tugas.
- 4.2 Menjaga kepentingan peniaga berlesen, hak mereka dan memastikan supaya mereka mematuhi undang-undang agar segala aktiviti perniagaan, sosial dan perhubungan dilaksanakan dalam keadaan yang teratur dan harmoni.
- 4.3 Menjalankan sitaan terhadap penjaja tanpa lesen.
- 4.4 Meningkatkan rondaan dan memantau haiwan ternakan yang berkeliaran. Keutamaan yang diberi adalah kawasan pekan dan jalan raya.
- 4.5 Mengawal dan menjaga keselamatan lalulintas dalam kawasan Majlis daripada halangan di sebabkan oleh aktiviti penjajaan dan meletakan objek yang menghalang tempat letak kereta.
- 4.6 Menguatkuasakan undang-undang Majlis sedia ada dan mengeluarkan kompaun kepada mereka yang melanggar undang-undang.
- 4.7 Memberi bantuan kepada Jabatan –jabatan lain di dalam organisasi Majlis yang memerlukan bantuan penguatkuasaan.



## KOMPAUN

5. Tindakan penguatkuasaan berterusan terutama aspek penjaja tanpa lesen telah menyebabkan penjaja berasa tertekan dan mereka terdesak untuk mendapatkan lesen atau mlarikan diri apabila anggota penguatkuasa datang. Hasilnya dapat dilihat dari peningkatan pendapatan Bahagian Pelesenan. Pencapaian sasaran pengeluaran kompaun dibawah tahap yang disasarkan. Statistik kompaun sepanjang tahun 2013 mengikut pecahan akta / undang-undang kecil adalah seperti berikut:

Akta / Undang-Undang Kecil	Sasaran 2013 (Kes)	Pencapaian 2013 (Kes)	Peratus capai
Akta JP&B 1974	180	63	35
Akta Kerajaan Tempatan 1976	180	75	41.6
UUK Penjaja (MDKS) 1982	180	141	78.3
UUK PTP&P (MDKS) 1983	120	54	45
UUK Haiwan Merayau (MDKS) 1984	24	26	108.3
Pengawalan dan Pengawasan Tempat Makan	60	22	36.6
Pelesenan Anjing	180	7	3.8
Tempat Letak Kereta	24,480	13,759	56.2
Pelbagai	60	24	40



#### SITAAN

6. Sepanjang tahun 2013, tindakan sitaan berterusan telah dijalankan. Jabatan Penguatkuasa telah mensasar 2 kes setiap minggu. Dari segi puratanya, tindakan ini dapat dijalankan. Sasaran utama adalah penjaja dari Negara China yang menjaja VCD, DVD atau barang hiasan cina termasuk ubat-ubatan. Terdapat juga warga Pakistan dan Mynamar menjaja barang dagangan am dan ikan air tawar. Keseluruhan sitaan berjumlah 54 kes.
7. Pada tahun ini, Jabatan Penguatkuasaan telah membantu Unit Undang-Undang dalam melaksanakan sitaan cukai taksiiran. Tiada barang harta alih seperti tv, radio dan tong gas diambil sebaliknya mereka ini kerap di telefon dan membuat lawatan ke rumah. Mereka ini terdiri dari pembayar yang degil walau pun usaha pemotongan secara bulanan telah dibuat. Tindakan ini agak berkesan kerana pembayar cukai tersebut telah datang ke Majlis dan melunaskan tunggakan mereka.

**SITAAN HAIWAN TAHUN 2013**

BIL	TARIKH	LOKASI	HAIWAN	KOMPAUN SELEPAS RAYUAN (RM)
1.	5.1.2013	Kuarters TNB	1 x Lembu	Lelong*
2.	8.1.2013	Tapak Pelupusan	1 x Kerbau	650.00
3.	11.1.2013	Jalan Kota Bharu	1 x Lembo	Lelong* (3,500.00)
4.	11.1.2013	Dewan Kota Bharu	1 x Kerbau	Lelong*
5.	12.1.2013	Makam Teja	1 x Lembu	Lelong*
6.	16.2.2013	Spg MNawar-Kota Bharu	1 x Lembu	1,200.00
7.	3.3.2013	Makam Teja	1 x Kerbau	Lelong(1,850.00)
8.	27.3.2013	Malim Nawar	2 x Kambing	50.00
9.	4.4.2013	Kg Bunga Tanjong	1x Kerbau	700.00
10.	24.5.2013	Kg Air Hitam Labu	1 x Lembu	700.00
11.	28.5.2013	Kg Bunga Tanjong	1 x Kerbau	1,200.00
12.	15.6.2013	Tadika Perpaduan	1 x Kerbau	Kompaun 250.00
13.	5.9.2013	Balai Polis Kota Bharu	1 x Lembu	Kompaun 250.00
14.	20.10.2013	TNB Jin Stesen	1 x Kerbau	900.00
14.	23.10.2013	Kg Bunga Tanjong	1 x Kerbau	1,000.00
15.	24.10.2013	Sg Siput Selatan	1 x Kerbau	1,000.00
16.	26.10.2013	Kota Bharu	1 x Kerbau	1,000.00
17.	9.11.2013	Taman Gopeng Baru	1 x Lembu	1,000.00
18.	9.11.2013	Kg Changkat Baru	1 x Kerbau	900.00
19.	2.12.2013	Desa Lawan Kuda	1 x Lembu	1,000.00
20.	2.12.2013	Rumah Rehat Kampar	1 x Kambing	100.00
21.	3.12.2013	Kg Bunga Tanjong	1 x Kerbau	1,000.00
22.	9.12.2013	Tapak Pelupusan	1 x Kerbau	800.00
23.	14.12.2013	Makam Teja	1 x Kerbau	1,000.00
24.	19.12.2013	Batu Putih	1 x Lembu	1,200.00
		Jumlah	Lembu 9 Kerbau 14 Kambing 3	21,250.00



## **8. LELONGAN HAIWAN**

Pada tahun 2013, 3 ekor lembu dan 2 ekor kerbau telah dilelongan setelah pemilik gagal menuntut semula. Amaun lelongan tersebut adalah berjumlah RM 5,350.

## **9. ROBOH**

Dalam tahun 2013, dua buah gerai penjaja telah dirobohkan kerana menjadi halangan di tempat awam serta menghalang pandangan lalulintas untuk keluar dan masuk.

- 9.1 Gerau penjaja menjual makanan di hadapan Puspakom Gopeng.
- 9.2 Gerau penjaja di simpang masuk ke Taman Sejahtera.

## **10. HALANGAN TEMPAT AWAM**

Tindakan memindahkan halangan (motor dan basikal) ditempat letak kereta atau disiar kaki kurang dilaksanakan kerana kekerapan tindakan akan diambil kesempatan oleh orang tertentu untuk mencuri motor dan basikal. Bagaimanapun jika keadaan kawasan menjadi kritis, tindakan perlu dilaksanakan. Statistik halangan tempat awam yang dibuat pada tahun 2013 adalah:

10.1	Motorsikal	-	11
10.2	Basikal	-	17
10.3	Siar kaki	-	8
10.4	Kereta	-	2
10.5	Menjaja	-	11
10.6	Khemah	-	3
10.7	Buang sampah	-	2
10.8	Papan iklan	-	24





11. TEMPAT LETAK KERETA

KOMPAUN KESALAHAN TEMPAT LETAK KERETA TAHUN 2013

BIL.	BULAN	DIKELUARKAN	SASARAN	CATATAN
1.	Januari	942	24,480	Sasaran yang tetapkan termasuk kawasan Gopeng dan Bandar Baru. Bagaimanapun pelaksanannya masih ditangguhkan.
2.	Februari	1,186		
3.	Mart	1,306		
4.	April	1,358		
5.	Mei	1,213		
6.	Jun	1,151		
7.	Julai	1,311		
8.	Ogos	861		
9.	September	899		
10.	Oktober	1,171		
11.	November	1,057		
12.	Disember	991		
<b>JUMLAH</b>		<b>13,446</b>		

Jumlah petak TLK di Kampar - 1580



## 12. BANTING DAN STIKER 'ALONG'

Sehingga kini sebanyak 33 nombor telefon 'along'/peminjam wang tidak berlesen telah di majukan kepada SKMM untuk bantuan pemotongan talian di bawah Seksyen 263(2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). Operasi 'BOS' bersama PDRM, JPAM dan RELA telah dilaksanakan pada 20 Mac 2013. Sebanyak 169 bunting telah di turunkan serta di lupuskan.



### 13. PERALATAN

#### Senjata - ada 3 laras

- 2 laras senjata Carbine Stainless 10/22 (.22)
- 1 laras senjata Tranquilliser (pelali)

#### Kereta dan Tempat Simpanan



#### Kenderaan - ada 3 buah

- 3 buah Van
- 1 buah Ranger
- 1 buah Lori Taillift

#### **14. OPERASI BERSAMA**

14.1 Operasi bersama membantu Pejabat Tanah Kampar dan PTG, Ipoh menjalankan tindakan penguatkuasaan ceroboh dan mengusaha tanah tanpa keilusan.

14.1.1 Meroboh pagar zink, memotong durti dan meroboh bangsal kolam ikan di Kuala Teja pada 21 Okt 2013.



14.1.2 Memusnahkan tanaman sawit di Kuala Kampar pada 22 Okt 2013



14.3 Operasi 'NBOS' pemeriksaan premis perniagaan besi buruk oleh PDRM bersama MDKpr, RELA,JPAM,Imigresen,Bomba,Jab Kesihatan,TM,Digi dan TNB pada 30 Okt 2013.



14.4 Operasi membuka bahan kempen sempena PRU 13 yang telah tamat tempoh bagi Kawasan Parlimen Kampar



14.5 Operasi memotong papan iklan yang tidak dapat kelulusan Majlis



#### 15. PERSIJILAN 5S

Jabatan penguatkuasaan juga terlibat didalam usaha untuk penganugerahan sijil 5S.Selain melaksanakan keperluan 5S seperti sisih/susun sapu, seragam dan sentiasa amal, jabatan penguatkuasaan juga mengujudkan sudut 5S untuk tatapan umum. Pada tahun 2013, MDKpr telah mencapai tahap 5 bintang



#### 16. PENJAJA TAHUN BARU CINA

Majlis Daerah Kampar telah menyediakan ruang niaga/Tapak penjaja sementara kepada peniaga sempena sambutan perayaan tersebut .Tempoh dibenarkan dari 2 Februari hingga 17 Februari 2013. Ahli Parlimen Kampar telah turun padang dan meninjau keadaan. Beliau amat berpuas hati terhadap penyediaan tempat, ruang niaga, kawalan dan keselamatan yang disediakan oleh MDKpr serta mengucapkan syabas diatas usaha majlis.



## AKTIVITI-AKTIVITI UNIT UNDANG-UNDANG BAGI TAHUN 2013

1. Menyedia, menuguhai, meringkas Undang-Undang Kecil, Perintah, Kasihlah dan Peraturan yang diperlukan oleh Majlis Daerah Kampar.
  - 1.1 Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak) Jalan, Parit dan Bangunan 2013 telah diwartakan pada 10 Oktober 2013.
  - 1.2 Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Daerah Kampar (Kelakuan dan Tatatertib) 2013. Kaedah-Kaedah ini telah diwartakan pada 27 Februari 2014.
  - 1.3 Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kampar) 2013. Undang-Undang Kecil ini telah diwartakan pada 27 Februari 2014.
  - 1.4 Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Kampar) 2012. Draf Undang-Undang Kecil ini diperingkat pewartaan.
  - 1.5 Undang-Undang Kecil Bangunan (Bayaran-Bayaran) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak. Draf Undang-Undang Kecil ini diperingkat pewartaan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.
  - 1.6 Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Daerah Kampar) 2012. Draf Undang-Undang Kecil ini diperingkat penyelarasan di Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.
  - 1.7 Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Daerah Kampar) 2012. Draf Undang-Undang Kecil ini diperingkat penyelarasan di Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.
  - 1.8 Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Daerah Kampar) 2012. Draf Undang-Undang Kecil ini diperingkat penyelarasan di Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.
  - 1.9 Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (Majlis Daerah Kampar) 2012. Draf Undang-Undang Kecil ini diperingkat penyelarasan di Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

2. Menyelaras semua tindakan Undang-Undang yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Kampar dan dikenakan terhadap Majlis Daerah Kampar.
- 2.1 Mahkamah Sesyen di Ipoh, Saman No : A51-12-05-2013 antara Kavitha a/p Muruganathan (Plaintif) dengan 1. Majlis Daerah Kampar 2. Kerajaan Negeri Perak 3. Kampar Construction Sdn. Bhd. (Defendant-Defendant).
- Pihak penguasa cuba untuk mengeluarkan Majlis Daerah Kampar sebagai Defendant melalui Notis Permohonan dan Affidavit Sokongan.
3. Perjanjian yang telah ditandatangani sepanjang tahun 2013
- 3.1 Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan.
- 3.1.1 Capwest Security Sdn. Bhd.  
- Kawasan Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar (Tanpa senjata).
- 3.1.2 JTL Security Services Sdn. Bhd.  
- Pejabat Majlis Daerah Kampar, Cawangan Gopeng (Tanpa Senjata).  
- Tapak Semaian Majlis Daerah Kampar (Tanpa senjata).
- 3.1.3 Kemas Cipta Security Sdn.Bhd.  
- Kaunter Bayaran, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar (Bersenjata).
- 3.1.4 Panglima Bayu Security Services Sdn. Bhd.  
- Rumah Rehat, Kampar (Tanpa Senjata).
- 3.1.5 Pertama Security Services (M) Sdn. Bhd.  
- Tapak Pelupusan Sampah Sg. Siput Selatan Majlis Daerah Kampar (Tanpa senjata).
- 3.1.6 RL Kawalan Pro Sdn. Bhd.  
- Pejabat Cawangan Majlis Daerah Kampar (Plaza Keranji) (Bersenjata).

- 3.2 Perjanjian Perkhidmatan Mencuci Bangunan Pejabat.
  - 3.2.1 Sulun Jaya Enterprise.
    - Bangunan Pejabat Majlis Daerah Kampar.
- 3.3 Perjanjian Kawalan Serangga Am (Lipas, Semut, dan Tikus).
  - 3.3.1 Fire Force.
    - Bangunan Pejabat Majlis Daerah Kampar.
- 3.4 Perjanjian Kerja-Kerja Tangkapan dan Pelupusan Anjing Liar.
  - 3.4.1 Zaffar Teknik Enterprise.

#### **4. Pengurusan Fail ke Mahkamah.**

- 4.1 Membuat carian penyemakan nombor pendaftaran kenderaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan.
- 4.2 Pengeluaran notis peringatan bagi kompaun kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MDKS) 2000 yang tidak dibayar:
  - 8 Sebanyak 2,756 notis peringatan telah dikeluarkan bagi tahun 2013.
  - 8 Sebanyak 76 fail telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya.
  - 8 Sebanyak 91 kes telah disebut di Mahkamah.

#### **5. Pengurusan pengurangan/pembatalan kompaun letak kereta dan kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Majlis.**

- 5.1 Sebanyak 3,278 kompaun di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta (MDKS) 2000 bagi tahun 2013 telah dikurangkan.
- 5.2 Sebanyak 121 kompaun di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MDKS) 2000 bagi tahun 2012 telah dibatalkan.
- 5.3 Sebanyak 75 kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Majlis bagi tahun 2013 telah dikurangkan.
- 5.4 Bagi tahun 2013 sebanyak RM 113,855.00 telah dikutip bagi kompaun letak kereta.

**6. Tindakan bagi menuntut tunggakan cukai taksiran.**

- 6.1 Pengurusan pembayaran tunggakan cukai taksiran melalui ansuran bulanan bagi 104 akaun dengan jumlah tunggakan RM 159,480.97

- Sebanyak 104 surat akujanji telah ditandatangani oleh pemilik akaun cukai taksiran bagi bayaran secara ansuran.

- 6.2 Kutipan notis E cukai taksiran bagi separuh tahun kedua 2013 adalah sebanyak RM 19,234.50


- 6.3 Tindakan susulan dari masa ke semasa bagi menggesa pemilik harta untuk menjelaskan tunggakan taksiran dengan cara menelefon dan lawat premis





JABATAN PENILAIAN  
DAN PENGURUSAN  
HARTA

**CARTA ORGANISASI JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA  
MAJLIS DAERAH KAMPAR**



## JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

### PENDAHULUAN/LATARBELAKANG

Jabatan ini mempunyai 2 bahagian utama yang diketuai oleh Pegawai Penilaian iaitu:-

- Bahagian Penilaian.
- Bahagian Pengurusan Harta.

Bahagian Penilaian diselia oleh seorang Penolong Pegawai Penilaian dibantu Pembantu Tadbir Kanan, 2 orang Pembantu Penilaian, seorang Pembantu Penilaian (COB) dan seorang Pembantu Tadbir.

Bahagian Pengurusan Harta diselia oleh Pembantu Penilaian dan seorang Pembantu Tadbir. Manakala bagi Unit Pengurusan Rumah Rehat diseliakan oleh seorang Pembantu Penilaian Kanan (W22), seorang Pembantu Tadbir (N17) dan 5 orang Pembantu Awam (H11).

Jabatan juga mempunyai seorang Penghantar Notis (N11), seorang Pembantu Awam (H11) dan seorang Pemandu Kenderaan (R3).

Secara keseluruhan kekuatan kakitangan bagi Jabatan ini adalah seramai 18 orang kakitangan. Lampiran bagi carta organisasi ada disertalcan di belakang laporan ini.

### BAHAGIAN PENILAIAN

- Bahagian ini menjalankan kerja-kerja bagi maksud cukai taksiran dan sumbangan membantu kadar untuk bangunan-bangunan dalam kawasan Majlis Daerah Kampar.
- Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam urusan bagi pulangan balik cukai, mengemaskini rekod pemilik di fail dan sistem, membuat proses pindahmilik, proses bagi bayaran ansuran taksiran, mengumpul maklumat harta, menjalankan proses pendengaran bantahan dan siasatan bagi harta bermasalah dalam konteks cukai taksiran.
- Dalam tahun 2013, unit jawatankuasa 'OPS TUNGGAKAN' masih diteruskan lagi bagi membincangkan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan dalam usaha mengurangkan tunggakan cukai taksiran dan tunggakan bagi harta sewaan.
- Bagi tahun 2013, jabatan telah menjana pendapatan daripada proses pindahmilik, bayaran proses permohonan gera dan proses carian rasmi cukai taksiran dengan kutipan sebanyak RM12,708.00.

## BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA

- Bahagian ini bertanggungjawab bagi menguruskan harta sewaan Majlis seperti gerai, pasar dan rumah kedai, menguruskan bekalan air bagi harta sewa dan bertanggungjawab mengambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang kecil Majlis bagi harta sewaan yang tertunggak bagi penyewa yang melanggar syarat-syarat perjanjian sewa. Bahagian ini juga bertanggungjawab menjadi urusetia bagi proses temuduga untuk pemilihan penyewa harta sewaan.
- Bagi tahun 2013 - aset Majlis boleh dikategorikan seperti berikut :-
  - Pasar Awam = 8 pasar awam merangkumi 776 meja pasar.
  - Pusat Penjaja/ Medan Selera = 457 unit.
  - Rumah Kedai/ Pejabat = 58 unit.
- Ini bermakna sejumlah 1,161 harta sewaan daripada keseluruhan 1,306 harta sewaan telah disewaikan memperolehi kutipan sebanyak RM 868,306.22 dengan pencapaian 87.40%.
- Maklumat harta sewaan yang kosong sehingga berakhir tahun 2013 adalah sebanyak 5 unit gerai dan 140 unit pasar awam. jumlah besar adalah 145 unity yang menunjukkan peratusan kekosongan sebanyak 11.10 %.
- Tindakan pembatalan juga telah diambil ke atas penyewa yang bermasalah sebanyak 55 akaun harta sewaan dalam tahun 2013.
- Pendapatan kasar bagi tahun 2013 untuk Pengurusan Sewaan Dewan & Gelanggang adalah sebanyak RM 29,050.00.
- Pendapatan kasar bagi tahun 2013 untuk Unit Pengurusan Rumah Rehat adalah sebanyak RM 128,800.00.

**DATA CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2013**

KETERANGAN		JUMLAH
Pegangan Aktif Taksiran Am	: 1	32,911 pegangan
Pegangan Aktif S.M.K	:	282 pegangan
Jumlah Pegangan Taksiran Am + S.M.K	:	33,193 pegangan
Nilai Tahunan Taksiran Am	:	RM 75,508,081.00
Cukai Taksiran Am	:	RM 7,482,404.18
Nilai Tahunan S.M.K	:	RM 3,349,977.00
Sumbangan Membantu Kadar	:	RM 314,224.86
Jumlah Pendapatan Taksiran Am + S.M.K	:	RM 7,796,629.04

**DATA PENCAPILIAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2013**

BIL	Butir-Butir	Bilangan (Unit)	Nilai Tahunan (RM)	Cukai Taksiran (RM)
1	Harta Hapus Nilaian	10	(5,970.00)	(397.95)
2	Pindaan Nilaian	38	4,401,760.00	132,069.25
3	Nilai Baru	1,366	1,908,239.00	158,434.76
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,414</b>	<b>6,304,029.00</b>	<b>290,106.06</b>

Jadual di atas menunjukkan penambahan pendapatan daripada Cukai Taksiran bagi tahun 2013 dengan jumlah RM 290,106.06 berdasarkan Nilai Tahunan : RM 6,304,029.00.

Bilangan kes-kes yang dikendalikan sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak 1,414 harta merangkumi kerja-kerja seperti jadual di atas

### **SUMBANGAN MEMBANTU KADAR**

Bagi sumbangan membantu kadar dimana merupakan sejumlah peruntukan caruman/sumbangan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkamun bagi bangunan didudukinya di dalam kawasan pentadbiran Majlis. Jadual di bawah menunjukkan jumlah caruman diterima :-

<b>Nama Agensi</b>	<b>Jumlah Pegangan (unit)</b>	<b>Nilai Tahunan (RM)</b>	<b>Jumlah Caruman (RM)</b>
<b>Kerajaan Persekutuan</b>	<b>228</b>	<b>370,784.00</b>	<b>31,175.20</b>
<b>Kerajaan Negeri</b>	<b>52</b>	<b>64,393.00</b>	<b>6,143.66</b>
<b>Badan Berkamun</b>	<b>2</b>	<b>2,914,800.00</b>	<b>276,906.00</b>
<b>Jumlah</b>	<b>282</b>	<b>3,349,977.00</b>	<b>314,224.86</b>


### **BANTAHAN AWAM CUKAI TAKSIRAN**

Pemilik yang tidak berpuas hati dengan Nilai Tahunan yang telah ditetapkan boleh mengemukakan bantahan Nilai Tahunan di bawah peruntukan Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Sepanjang tahun 2013 sifar pemilik yang mengemulcahan bantahan. Jabatan amat berpuashati kerana ini menunjukkan pembayar cukai sudah mula memahami dengan mendalam keperluan membayar cukai taksiran dan berpuas hati dengan nilaiann yang telah jabatan lakukan. Kerja-kerja juga semakin efektif jika semua pembayar cukai dapat memahami keperluan membayar cukai taksiran.


## BILANGAN PEGANGAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2013

### Bilangan Pegangan Tahun 2008 - 2013




## HILANGAN PRGANAN MENGIKUT KAWASAN BAGI TAHUN 2013

### ■ Pecahan Bilangan Pegangan Mengikut Kawasan Tahun 2013



BILANGAN PEGANGAN MENGIKUT KATEGORI HARTA BAGI TAHUN 2013





LAPORAN TAHUNAN  
MAJLIS DAERAH KAMPAR **2013**

**MAJLIS DAERAH KAMPAR**

Kompleks Pentadbiran MD Kampar  
Jaian Iskandar, 31900 Kampar,  
Perak Darul Ridzuan.

Tel : 05-467 1020 / 05-467 1030

Fax : 05-467 1040

Laman Web : [www.mdkampar.gov.my](http://www.mdkampar.gov.my)